

Mahathir - Akhbar

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata akhbar-akhbar bahasa Cina telah sengaja memperbesarkan laporan yang menyentuh soal perkauman dan berkempen untuk parti pembangkang semasa pilihan raya umum.

Perdana Menteri berkata laporan seumpama itu sering menjadi berita utama di muka depan akhbar dan ia secara tidak langsung boleh mempengaruhi fikiran rakyat, khususnya masyarakat Cina.

Presiden Umno itu juga menolak komen seorang pengarang akhbar bahasa Cina tempatan yang mendakwa kononnya laporan akhbar Cina sepanjang kempen pilihan raya umum ditulis berdasarkan pandangan masyarakat Cina sendiri.

+Saya baca hari ini satu komen seorang editor Cina yang berkata, mereka hanya mencerminkan pandangan orang ramai...Tapi akhbar bukan sahaja mencerminkan pandangan, akhbar boleh membuat laporan yang boleh mempengaruhi,+ katanya pada persidangan akhbar di akhir hari kedua Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Beliau memuji akhbar-akhbar Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris kerana lebih bertanggungjawab dan tidak memperbesarkan sesuatu berita yang boleh +membakar hati+ orang ramai, khususnya orang Melayu. -- Lagi

▼01/12/20-24MST

CNS4798

U PB 01-12 00142 BH581'

aab

Mahathir - Akhbar 2 Kuala Lumpur

+Umpamanya akhbar Melayu dan Inggeris boleh mainkan ucapan dalam Perhimpunan Agung ini yang boleh bakar hati orang ramai dan menyentuh soal perkauman.

+Tetapi mereka tidak memperbesarkannya di muka depan dengan tajuk besar. Ini menunjukkan akhbar Inggeris dan Bahasa Malaysia tertentu lebih bertanggungjawab,+ katanya.

Dalam ucapan dasarnya semalam, Datuk Seri Dr Mahathir membidas akhbar-akhbar Cina kerana membuat laporan yang mendokong sistem dua parti seperti yang dianjurkan oleh parti pembangkang.

Beliau juga berkata laporan akhbar Cina yang menyokong dan berkempen untuk parti lawan tidak diketahui oleh Kumpulan Pemerhati Komanwel kerana mereka tidak boleh membaca akhbar-akhbar tempatan dalam bahasa Cina dan Tamil.

Oleh itu, beliau berkata, laporan kumpulan tersebut bahawa akhbar-akhbar utama tidak memberi laporan yang cukup kepada kegiatan parti pembangkang adalah tidak tepat. -- Lagi

▼01/12/20-28MST

CNS4799

U PB 01-12 00116 BH582

aab

Mahathir - Akhbar 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, kumpulan tersebut juga tidak tahu mengenai perbuatan yang tidak sihat oleh pembangkang seperti tindakan mengepung lebih 300 penyokong Barisan Nasional daripada mengundi, kerana ia tidak didedahkan.

+Ini satu perkara yang tidak dapat dilihat oleh Kumpulan Pemerhati itu dan oleh itu penilaian mereka tidak menyentuh kegiatan parti lawan semasa pilihan raya,+ katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau memahami masalah kumpulan tersebut yang tidak mempunyai bilangan anggota yang ramai untuk melihat perjalanan pilihan raya secara keseluruhan.

Mengenai perjalanan Perhimpunan Agung setakat ini, Datuk Seri Dr Mahathir berpendapat ianya berkualiti dengan perwakilan mengulas secara lengkap mengenai perjuangan parti. -- Bernama